

14 AUG 1997

DBKL-Kebersihan

OPERASI ANTI KOTOR MULA MENAMPAKKAN KESAN

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Operasi Anti Kotor yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sejak tiga hari lepas mula menampakkan kesan positif pada warga kota di sekitar ibu negara.

Penolong Pengarah Direktorat Penguatkuasa DBKL Yazid Samsudin ketika dihubungi BERNAMA hari ini berkata, sepanjang pemerhatian beliau sejak 12 Ogos lepas, sampah tidak lagi bertaburan terutama di tempat-tempat tumpuan orang ramai.

"Kami meletakkan sasaran di 14 buah kawasan dengan 37 lokasi terutama di kawasan perhentian bas, pusat membeli-belah terutama di sekitar kawasan Chow Kit, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan di depan pawagam-pawagam antara kawasan yang menjadi tumpuan pihak penguatkuasa," kata beliau.

Beliau berkata, sehingga ini seramai 367 orang telah dikenakan tindakan dengan 129 orang membayar kompaun di situ juga yang keseluruhannya bernilai RM12,900.

"Yang selebihnya diberikan surat notis dua minggu untuk menyelesaikan bayaran kompaun, jika tidak kami akan membawa kes ini ke mahkamah untuk dikenakan tindakan selanjutnya," kata Yazid.

Bagaimanapun katanya, sehingga ini belum ada individu yang tampil untuk membayar kompaun terhadap notis yang dikeluarkan oleh DBKL.

Antara kesalahan-kesalahan itu termasuklah membuang puntung rokok, tin minuman, tiket bas dan kertas pembungkus gula-gula di merata-rata tempat. Kompaun bagi kesalahan-kesalahan ini telah dinaikkan daripada RM30 kepada RM100.

Menurut Yazid, individu yang didenda terdiri daripada pelbagai golongan termasuk pertengahan umur, remaja dan tidak ketinggalan warga asing yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

"Bagi kes warga asing yang tiada dokumen perjalanan yang sah, kami serahkan mereka kepada Jabatan Imigresen yang turut serta dalam operasi ini untuk diambil tindakan selanjutnya," kata beliau.

Menurut beliau, antara sembilan dan 12 orang pegawai sama ada yang beruniform atau berpakaian biasa ditempatkan di satu-satu kawasan untuk satu atau dua jam sebelum bergerak ke kawasan lain.

Ketika ditanya sama ada terdapat individu yang membantah ketika diambil tindakan, Yazid berkata setakat ini tiada laporan berlakunya keadaan sedemikian dan operasi berjalan dengan lancar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menyatakan kemarahannya terhadap sikap sesetengah rakyat yang suka mengotorkan ibu kota. -- BERNAMA

WNZ PR